

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/11/2007

# Pakistan perlu pulihkan keadilan, keamanan – PM

KAMPALA, Uganda 24 Nov. – Pakistan perlu bertindak segera memulihkan keadilan dan keamanan jika mahu penggantungan sebagai negara anggota Komanwel yang diperakui pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini hari ini ditarik balik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, keputusan mengenai pengantungan itu yang dibuat oleh Kumpulan Tindakan Peringatan Menteri mengenai Deklarasi Harare (CMAG), yang merupakan sayap politik kumpulan 53 negara itu telah diterima oleh CHOGM.

Malaysia katanya, telah memberi pandangan meminta supaya ia ditangguhkan untuk memberi kesempatan kepada Pakistan memulihkan keadaan.

“Tetapi mengikut ahli-ahli yang hadir dan sekretariat Komanwel, sebenarnya Pakistan telah diberi tempoh yang lama (untuk memulihkan keadaan),” katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri jamuan makan malam sempena CHOGM di sini, malam tadi.

CMAG mencapai keputusan sebulat suara untuk menggantung keahlian Pakistan dalam Komanwel ekoran kegagalan Presiden Pervez Musharraf mematuhi lima prinsip yang telah ditetapkan dalam usaha mengembalikan demokrasi dan memulihkan peraturan undang-undang di negara itu.

Lima prinsip yang ditetapkan oleh CMAG untuk dipatuhi Pakistan ialah memansuhkan dengan serta-merta pe-



runtukan darurat dan pemuliharaan sepenuhnya perlembagaan, Pervez meletakkan jawatan sebagai ketua tentera, pembebasan segera ketua parti politik dan aktivis, menggugurkan semua sekatan mengenai siaran media dan bergerak ke arah mewujudkan syarat untuk mengadakan pilihan raya yang bebas dan adil.

Abdullah berkata, Malaysia telah mengambil pendirian dalam mesyuarat CMAG supaya Pakistan diberi sedikit masa lagi memandangkan mereka akan mengadakan pilihan raya pada awal Januari.

“Saya juga berpendapat bahawa prinsip-prinsip yang berkaitan dengan demokrasi dan keadilan yang berpegang kepada prinsip Harare boleh diterima oleh semua negara, tetapi dari segi pelaksanaannya tentulah berlainan.

“Ini kerana situasi di negara-negara itu adalah berlainan dan struktur, amalan serta pengalaman politik juga berlainan,” katanya.

Selain Malaysia katanya, Sri Lanka turut mengemukakan pandangan supaya Pakistan diberi lebih masa.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, di sebalik hukuman itu Pakistan tidak boleh disisihkan tetapi sekretariat Komanwel dan ahli-ahli CMAG perlu terus berhubungan dengan negara itu untuk meninjau situasi dan membantunya memulihkan keamanan dan keadilan.

Ditanya sama ada ia satu keputusan tergesa-gesa kerana Pakistan tidak diberi peluang seperti yang diberikan ke-

UM-25/11/2007  
pada Zimbabwe pada CHOGM 2002 di Coolumbi, Australia, Perdana Menteri berkata, isu Pakistan bermula sejak 1999 lagi apabila Musharraf mengambil alih pemerintahan dengan beliau telah diminta supaya melepaskan jawatan ketua tentera.

“Kalau Pervez ingin terus memegang jawatan sebagai Presiden Pakistan, maka dia perlu letak jawatan sebagai ketua tentera. Musharraf pernah beri pengakuan akan melakukannya (lepas jawatan ketua tentera), tapi tak juga lakukan sampai ke hari ini,” jelasnya.


Katanya, walaupun Malaysia berusaha mempertahankan negara itu, tetapi ahli-ahli Komanwel lain merasakan Pakistan perlu dihukum supaya tidak berlaku *double standard* kerana semua ahli tertakluk kepada kriteria dan syarat yang sama.

“Kalau Pakistan penuhi syarat-syarat itu dan pulihkan kembali keadaan di negaranya, maka tentulah penggantungan itu akan ditarik balik,” ujar Perdana Menteri.

Ditanya sama ada Pakistan ada meminta bantuan Malaysia bagi menyelesaikan kemelutnya dalam Komanwel itu Abdullah berkata: “Awal-awal lagi dia sudah minta kalau boleh kita usahakan supaya tindakan tidak dikenakan. Perkaranya ini telah dibawa dalam (mesyuarat) jawatankuasa CMAG.”

Mengenai isu Zimbabwe pula katanya, negara itu telah menarik diri dari Komanwel sebelum tindakan dibuat terhadapnya dan atas sebab tersebut, kedudukannya tidak dibangkitkan.

– Mingguan



ABDULLAH Ahmad Badawi berjabat tangan dengan Presiden Sri Lanka, Mahinda Rajapaksa (kiri) sebelum memulakan mesyuarat dua hala di Speke Resort Munyonyo, Kampala, Uganda, semalam.